

Rakyat terima baik kenyataan Abdullah

UM - 28/10/2006

MELAKA 27 Okt. - Rakyat Melaka tetap memihak kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam isu Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik pentadbiran Perdana Menteri, kata Ketua Menterinya, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Beliau berkata, rakyat Melaka dan negara amnya juga memahami kenyataan balas Abdullah mengenai 'serangan berbisa' terhadapnya oleh bekas Perdana Menteri itu.

Malahan, katanya, rasa kecewa dan kesal Abdullah terhadap kenyataan Dr. Mahathir itu dikongsi bersama oleh rakyat negeri ini.

"Saya percaya setiap keputusan yang diambil oleh kerajaan hari ini adalah bertekankan kepada konsep musyawarah di peringkat parti mahupun Kabinet," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Aidilfitri Perdana Menteri bersama rakyat Melaka di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini hari ini.

Di **MANJUNG**, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali menyarankan Abdullah dan Dr. Mahathir mengadakan pertemuan lebih kerap bagi menjernihkan hubungan mereka.

"Mungkin ada cara yang lain... mungkin (mereka) boleh buat jemputan antara satu sama lain ke jamuan makan malam atau minum petang," katanya di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata, Dr. Mahathir sepatutnya lebih memahami situasi yang di-

alami oleh Abdullah ketika ini kerana beliau sendiri pernah menimba pengalaman dikritik oleh Tunku Abdul Rahman sewaktu mula-mula memegang jawatan Perdana Menteri pada awal 1980-an.

Katanya, Perdana Menteri harus disokong sepenuhnya kerana tidak mungkin seorang pemimpin negara boleh melakukan tugas dengan baik tanpa sokongan padu daripada menteri dan segenap lapisan rakyat.

Di **BACHOK**, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, tindakan Dr. Mahathir yang terus mengkritik Perdana Menteri dan dasar kerajaan boleh melemahkan orang Melayu dan Islam.

Beliau berkata, teguran terbuka seperti itu tidak sepatutnya dibuat oleh seorang negarawan ulung, sebaliknya beliau perlu mengadakan perbincangan secara telus agar perpaduan dan maruah Melayu tidak tercabar.

Katanya, Dr. Mahathir sepatutnya menunggu penjelasan yang dibuat oleh Perdana Menteri terlebih dahulu sebelum membuat kritikan susulan.

Awang Adek berkata, teguran boleh dilakukan tetapi perlu dibuat mengikut peraturan dengan mengadakan pertemuan terus bersama pemimpin.

Sementara itu, di **KUALA LUMPUR**, Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mo-

hamed Aziz berkata, tindakan Dr. Mahathir terus mengkritik Abdullah secara terbuka hanya akan membangkitkan kebencinan orang Melayu terhadap bekas Perdana Menteri itu.

"Dr. Mahathir tidak harus melakukan

perbuatan seperti ini kerana Perdana Menteri ada darjat, martabat serta maruah.

"Beliau telah menyinggung UMNO dan orang Melayu dan akhirnya rasa benci akan jatuh kepada Dr. Mahathir sendiri," katanya.